



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS : 18 /2025

PLAY TRUE DAY 2025: KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
PENERAJU SUKAN BERSIH DAN BERINTEGRITI
“Play True: It Starts With You” – Seruan ADAMAS: Junjung
Tanggungjawab Kendiri, Amalkan Nilai Integriti dalam Sukan!”
19 APRIL 2025

1. Selaras dengan aspirasi Kerajaan MADANI untuk membudayakan nilai integriti, akauntabiliti dan kesejahteraan dalam sukan, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Agensi Anti-Doping Malaysia (ADAMAS) telah menganjurkan Sambutan *Play True Day 2025* pada hari ini, bertempat di Majlis Sukan Negara serta perkarangan Stadium Nasional Bukit Jalil, Kuala Lumpur.
2. Majlis telah dirasmikan oleh YB Adam Adli bin Abd Halim, Timbalan Menteri Belia dan Sukan Malaysia manakala upacara pelepasan larian simbolik (*flag off*) pula telah disempurnakan oleh YBhg. Dato’ Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu, Ketua Setiausaha, KBS.
3. Tema bagi sambutan pada tahun ini adalah ‘*Play True: It Starts with You*’, di mana penekanan diberikan terhadap tanggungjawab semua pemegang taruh sukan dalam melindungi integriti sukan, selari dengan nilai teras keyakinan dalam Malaysia MADANI. ADAMAS telah merancang untuk melaksanakan sambutan *Play True Day 2025* bersama-sama penggiat sukan tanah air di samping menyokong seruan global oleh *World Anti-Doping Agency* (WADA).

PROGRAM DAN PENGISIAN UTAMA

4. Antara pengisian utama program ialah:

(i) Larian Simbolik *Play True Day* 2025

Menandakan solidariti komuniti sukan terhadap prinsip sukan bersih.

(ii) Pelancaran Maskot Rasmi ADAMAS

Seekor anak harimau sebagai simbol semangat, keberanian dan integriti dalam sukan. Pemilihan nama maskot akan dibuat melalui penglibatan penggiat sukan sebagai tanda keterangkuman dan sokongan kolektif.

(iii) Pelancaran Jawatankuasa Atlet ADAMAS

Jawatankuasa ini diketuai oleh legenda tenpin boling negara, YBhg. Datuk Shalin Zulkifli yang turut memainkan peranan sebagai suara atlet dalam usaha membentuk persekitaran sukan yang lebih adil, berintegriti dan bertanggungjawab. (Rujuk **Lampiran I**).

(iv) Program ADAMAS X SIC Time Out

Tarikh: 26 April 2025 (Sabtu)

Tempat: South Paddock, Sepang International Circuit (SIC)

Program ini menggabungkan aktiviti sukan beroda, larian santai (*fun run*) di trek bertaraf dunia serta pameran interaktif bertemakan pendidikan anti-doping. Program ini bertujuan menyampaikan mesej secara inklusif dan menarik kepada generasi muda, atlet serta peminat sukan.

(v) Kempen “*Natural Is Enough*”

Sebagai kempen gaya hidup sukan bersih, *Natural is Enough* membawa mesej bahawa kecemerlangan dalam sukan tidak memerlukan penggunaan bahan terlarang. Lebih daripada sekadar slogan, *Natural is Enough* merupakan prinsip sukan yang ingin disemai dalam jiwa atlet generasi baharu bahawa kejayaan yang tulen lahir daripada usaha yang sah, bersih dan berintegriti.

USAHA BERTERUSAN ADAMAS SELAKU NATIONAL ANTI-DOPING ORGANISATION (NADO) MALAYSIA

5. Sebagai agensi yang bertanggungjawab menguatkuasakan dasar antidoping kebangsaan, ADAMAS kekal komited menjalankan peranannya selaras dengan piawaian antarabangsa. Program *Play True Day 2025* merupakan satu platform mendekati komuniti sukan melalui pendidikan anti-doping secara inklusif, peningkatan kefahaman serta kesedaran tentang hak dan tanggungjawab sebagai atlet.
6. Penubuhan Jawatankuasa Atlet ADAMAS merupakan langkah strategik memperkukuh penyertaan atlet dalam polisi dan pelaksanaan anti-doping, sejajar dengan prinsip keterangkuman yang digariskan oleh WADA.

SASARAN PENYERTAAN

7. Sambutan ini menyasarkan penglibatan aktif daripada:
 - (i) atlet elit, pelapis dan para atlet;
 - (ii) jurulatih, pegawai sokongan, dan pegawai perubatan sukan;
 - (iii) Persatuan Sukan Kebangsaan dan Majlis Sukan Negeri;
 - (iv) pelajar institusi pendidikan, ILKBS dan sekolah sukan;
 - (v) komuniti akar umbi dan peminat sukan seluruh negara;
 - (vi) agensi kerajaan, NGO serta sektor swasta berkaitan sukan dan kesihatan;
dan
 - (vii) orang ramai.

RAKAN STRATEGIK

8. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama strategik seluruh agensi di bawah KBS, Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia, Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Majlis Paralimpik Malaysia (MPM), badan sukan, sektor swasta dan komuniti sukan.

SERUAN KEPADA KOMUNITI SUKAN

9. ADAMAS menyeru seluruh komuniti sukan negara untuk berganding bahu memperkukuh budaya sukan bersih dan berintegriti demi melahirkan atlet MADANI yang berdaya saing, beretika dan bebas daripada amalan tidak sihat. Komitmen ini perlu dilaksanakan secara kolektif bermula dengan diri sendiri demi kemajuan sukan negara yang mampan dan disegani dunia.

Play True: It Starts With You.

Untuk pertanyaan lanjut atau penyertaan, sila hubungi:

Encik Zulkefli bin Saref

☎ 03-8871 3510

✉ zulkefli_saref@kbs.gov.my

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**



LAMPIRAN I

SENARAI JAWATANKUASA ATLET AGENSI ANTI-DOPING MALAYSIA (ADAMAS)

Bil.	Nama	Sukan	Peranan
1	YBhg. Datuk Shalin Zulkifli	Tenpin Bowling	Pengerusi
2	Puan Mathivani Murugeesan	Karate	Ahli
3	Encik Johnnathan Wong Guanjie	Menembak	Ahli
4	Encik Muhammad Hakimi Ismail	Olahraga	Ahli
5	Noor Askuzaiemy Mat Salim	Boccia	Ahli
6	Encik Abu Samah Borhan	Tenis Kerusi Roda	Ahli
7	Cik Boon Wei Ying	Badminton (MSDeaf)	Ahli